

# Wakil rakyat BN mesti terus kerja kuat: Pak Lah

Pemimpin diminta jangan fikir soal pencalonan pilihan raya

BH-14/5/2007

Oleh Ridzuan Yop dan Shamsul Kamal Amarudin

**P**ANTAI REMIS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu wakil rakyat Barisan Nasional (BN) terus bekerja kuat membantu rakyat tanpa terlalu memikirkkan sama ada mereka akan dicalon semula atau digugurkan pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, paling penting ketika ini mereka meneruskan kerja membantu rakyat tanpa mempersoalkan sama ada mereka diberi peluang sekali lagi atau sebaliknya.

Beliau berkata, jika wakil rakyat BN terlalu memikirkkan perkara itu, semua usaha dirancang membantu rakyat akan terjejas dan tergendala.

"Yang penting ketika ini mereka (wakil rakyat) memikirkkan bagaimana untuk melaksanakan tanggungjawab diamanahkan kepada mereka. Buat apa mereka (wakil rakyat) fikir kekal atau gugur...lekat atau tak lekat, buatlah kerja masing-masing," katanya pada sidang media selepas menyertai gotong-royong membina rumah di Kampung Batu 4, Segari,

dekat sini, semalam.

Program khidmat komuniti itu dianjurkan Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC) bagi membina rumah untuk golongan memerlukan.

Terdahulu, Abdullah bersama ahli BNBBC menyertai gotong-royong membina sembilan rumah dan menanam pokok di Kampung Tanjung Burung, Hujung Pasir, dekat sini. Turut hadir Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali dan

**“ Yang penting wakil rakyat memikirkkan bagaimana untuk melaksanakan tanggungjawab diamanahkan kepada mereka ”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

Pemangku Pengerusi BNBBC, Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar.

BNBBC mengadakan program permukiman BNBBC 2007 di Pulau Pangkor selama tiga hari bermula Jumaat lalu dan dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Dalam permukiman itu, pelbagai perkara dibangkitkan termasuk prestasi wakil rakyat BN.

Perkara itu turut mendapat perhatian Najib ketika merasmikan permukiman BNBBC Jumaat lalu yang mahu wakil rakyat BN sentiasa meningkatkan prestasi mereka dan segera menyelesaikan masalah rakyat.

Sementara itu di LUMUT, Abdullah berkata, beliau berpuas hati dengan prestasi wakil rakyat BN pada peringkat Parlimen dan negeri selepas mereka berjaya menjalankan tugas dengan baik sejak dipilih pada Pilihan Raya Umum 2004.

Beliau berkata, dasar kerajaan dapat dilaksanakan dengan berkesan pada peringkat akar umbi berikutan tindakan wakil rakyat BN menjadi pemangkin pembangunan serta pemantau terhadap projek dilaksanakan.

"Alhamdulillah, berdasarkan laporan saya terima, saya senang hati dengan kerja mereka (wakil rakyat), walaupun ada perkara tertentu yang masih perlu diberi perhatian.

"Masalah tetap ada walau di mana pun, tetapi yang penting bagaimana cara untuk menanganinya," katanya ketika berucap pada majlis Jamuan Rakyat, di Teluk Batik, Lumut.

Pada majlis itu, Abdullah turut merasmikan Dataran Hadhari di pantai peranginan Teluk Batik bernilai RM300,000.

Abdullah berkata, wakil rakyat BN berjaya menjadi pemantau dan pemangkin kemajuan di kawasan yang mereka wakili, sekali gus membuktikan BN adalah parti yang sentiasa menunaikan janji untuk rakyat.

Beliau berkata, ia sekali gus menunjukkan kemampuan BN untuk terus menerajui kepemimpinan kerajaan dan negara pada pilihan raya akan datang.

"Jika tiada kemampuan, parti ini (BN) mungkin sudah lama digantikan oleh parti pembangkang, tetapi BN bekerja sepanjang masa, sebaliknya parti pembangkang hanya bekerja ketika pilihan raya," katanya.